

02/02/2004

Aidiladha disambut penuh kesyukuran

Azman Zakaria; Maznah Darus; Amirullah Andi Nur; Faiza Zainuddin; Mohd KUALA LUMPUR: Umat Islam di seluruh negara menyambut Aidiladha semalam secara sederhana dan penuh kesyukuran dengan harapan perpaduan ummah serta kemakmuran negara terus diperkukuhkan.

Masjid dan surau di seluruh negara menjadi tumpuan sejak awal pagi untuk menunaikan solat sunat Aidiladha disertai pemimpin dan rakyat pelbagai lapisan, disusuli dengan ibadat menyembelih korban.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid bersama 1,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Sultan Abu Bakar, Tanah Rata, Cameron Highlands.

Turut sama solat yang diimamkan Mufti Pahang, Datuk Sulaiman Ahmad ialah Timbalan Menteri Besar Pahang Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Datuk Abdul Rahim Abdul.

Sementara itu, ribuan umat Islam, termasuk warga asing menunaikan solat Aidil Adha di Masjid Negara yang dimulakan jam 8.30 pagi dan diimamkan Imam Besar masjid itu, Datuk Pirdaus Ismail.

Di PULAU PINANG, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunaikan solat Aidiladha di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas. Abdullah bersama kira-kira 2,000 jemaah mengerjakan solat dua rakaat itu diimamkan Datuk Abdul Rahim Abu Bakar.

Abdullah turut menyumbangkan 37 lembu bagi kawasan Parlimen Kepala Batas yang diwakilinya selain menyertai majlis tahlil selepas solat dan menziarahi makam bapa dan datuknya, Allahyarham Ahmad Badawi dan Abdullah Fahim.

Abdullah juga melawat masjid Permatang Kuang, Surau Kampung Tok Braim dan Surau Lembah Raja di Pinang Tunggal.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah menunaikan solat di Masjid Negeri Sultan Idris Shah II. Hadir sama, Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah; Raja Dihilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Lebih 2,000 jemaah turut bersembahyang sunat Aidiladha di masjid berkenaan.

Di ALOR STAR, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah menyertai 2,000 rakyat jelata, termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menunaikan solat di Masjid Zahir.

Dr Mahathir turut mengadakan rumah terbuka di Dewan Wawasan, Jitra mulai jam 10 pagi hingga 2 petang. Beratus-ratus lembu turut dikorbankan di masjid sekitar negeri ini untuk diedarkan kepada orang ramai, khususnya fakir miskin.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan solat bersama kira-kira 5,000 jemaah di masjid negeri, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Turut sama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail dan ahli mesyuarat kerajaan negeri.

Sejurus solat, Sultan Sharafuddin menyaksikan majlis menyembelih serta pengagihan daging korban kepada penduduk sekitar Shah Alam dan golongan yang kurang bernasib baik.

Turut sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn smail dan ahli majlis

mesyuarat kerajaan negeri.

Di SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Najihah menunaikan solat sunat di Masjid Tuanku Munawir, Seri Menanti, Kuala Pilah.

Baginda berdua dan kerabat diraja serta rakyat jelata kemudian mengadakan majlis tahlil disusuli majlis istana terbuka di Istana Besar Seri Menanti.

Sementara itu, kira-kira 3,000 rakyat mengunjungi rumah terbuka Menteri Besar, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin di kediamannya di Kampung Baru Si Rusa, Port Dickson.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam menyertai kira-kira 7,000 muslimin dan muslimat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Azim, Bukit Palah.

Turut sama Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Amid Nordin, anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan. Jemaah kemudian menyertai majlis korban sebanyak 15 lembu di perkarangan masjid.

Di KOTA BHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat di Masjid Muhammadi bersama 3,000 jemaah. Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimamkan solat di masjid Pulau Melaka dan mengadakan rumah terbuka selepas itu.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama lebih 3,000 umat Islam di Masjid Al-Muktafibilah Shah.

Selepas solat baginda menziarahi makam ayahanda baginda di perkarangan masjid itu.

Di PERLIS, antara yang menunaikan ibadat korban ialah Ketua Polis Perlis, Datuk Abdul Halim Abdul Hamid di kompleks perumahan polis di Seriab, dekat sini.

Di KUCHING, Aidiladha disambut sederhana dengan acara korban dilakukan umat Islam di masjid dan surau seluruh negeri.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhamad Salahuddin Abang Barieng dan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menyertai rakyat menunaikan solat di Masjid Jamek negeri di Petra Jaya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Adenan Satem mengadakan ibadat korban di Kota Samarahan dan Menteri Muda Datuk Awang Tengah Ali Hassan di bangunan Majlis Islam Sarawak di Jalan P Ramlee.

Di SABAH, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman menunaikan solat bersama kira-kira 2,000 umat Islam di Masjid Kampung Batu Puteh, di Sandakan.

Antara yang mengadakan korban ialah anggota jawatankuasa Masjid Al-Falah di Kampung Tobobon, Menggatal serta Lembaga Pelabuhan Sabah di perkarangan ibu pejabat lembaga itu di Kota Kinabalu.

Seramai 4,000 umat Islam dan pemimpin tempatan serta Mufti Negeri Datuk Haji Ahmad Alawi Adenan menunaikan solat di Masjid Negeri.

Di JOHOR BAHRU, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail mengetuai umat Islam bersembahyang sunat di Masjid Pasir Pelangi. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman bersama beberapa ahli Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Selepas itu, umat Islam secara bergotong royong menyempurnakan ibadat korban, termasuk surau Kampung Pasir, Tampoi dengan enam lembu dan seekor kambing.

Pejabat Konsulat Republik Indonesia di daerah ini juga mengadakan ibadat korban dengan menyerahkan tiga lembu kepada warganya yang bermastautin di Kampung Bakar Batu, Kampung Tok Siak dan Kampung Sri Rahmat.

Sementara itu, ibu Timbalan Perdana Menteri, Tun Rahah Mohamed Noah berserta dua anaknya, Datuk Mohd Nazim Tun Razak dan Mohamed Nizam Tun

Razak turut menyertai ibadat korban di Masjid Jamek Kampung Baru di sini, semalam.

Mohd Nazim yang juga setiausaha masjid itu dan Mohamed Nizam masing-masing menyumbangkan seekor lembu manakala Tun Rahah menyumbang satu pertujuh daripada seekor lembu.

Laporan Bernama menyebut, 14 ekor lembu dan dua ekor kambing dikorbankan di masjid berkenaan pada Aidiladha kali ini yang bermula jam 10 pagi berbanding 17 ekor lembu tahun lalu.

Pengerusi majlis korban yang juga timbalan pengerusi masjid itu, Datuk Idris Shaari Mat Aris, berkata pihak masjid terpaksa menolak sumbangan ternakan untuk korban, termasuk unta daripada penyumbang kepada surau berdekatan kerana kekurangan kakitangan untuk menguruskan penyembelihan.